



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK AZIZ BIN YUSOF DAN ENCIK SULAIMAN BIN IDRIS,  
PENDUDUK TEMPATAN JEMENTAH, SEGAMAT  
MENGENAI SEJARAH SEGAMAT DAN JEMENTAH SEBAGAI  
DAERAH LAGENDA**

**NUR NATASHA ALIA MAULAD ABD RAHMAN**

**(2021101689)**

**NUR SYAZAWANA BINTI MUSTAFFA**

**(2021113895)**

**SEMESTER MAC 2022-OGOS 2022**

## ISI KANDUNGAN

NO.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
<i>Roman numerals</i>	<b>Abstrak</b> <b>Penghargaan</b> <b>Senarai Abreviasi</b> <b>Senarai Singkatan</b> <b>Rujukan Kata</b>	<b>i-viii</b>
1.0	<b>Biodata Penemubual</b> 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1-2
2.0	<b>Biodata Tokoh</b> 2.1 Biodata Tokoh 2.1.1 Encik Aziz bin Yusof 2.1.2 Encik Sulaiman bin Idris 2.2 Pengenalan kepada Tokoh 2.2.1 Encik Aziz bin Yusof 2.2.2 Encik Sulaiman bin Idris	3-5
3.0	<b>Sejarah Lisan</b> 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Objektif Kajian 3.4 Kepentingan Sejarah Lisan	6-7
4.0	<b>Kajian Literatur</b> 4.1 Kearifan Tempatan 4.2 Sejarah Segamat dan Jementah Sebagai Daerah Lagenda 4.3 Pembinaan kereta api pertama di Segamat	8-14
5.0	<b>Transkrip Temu bual Bersama Tokoh</b>	15-144
6.0	<b>Log Temu bual</b>	145-156
7.0	<b>Ralat</b>	157
8.0	<b>Glosari</b>	158-161
9.0	<b>Indeks</b>	162-164
10.0	<b>Bibliografi</b>	165-168

## ABSTRAK

*Transkrip ini adalah mengenai kajian dan juga temu bual yang dijalankan terhadap dua orang penduduk asal atau tempatan yang mengetahui kisah peninggalan sejarah. Transkrip ini juga membincangkan dengan lebih mendalam tentang sejarah awal Segamat dan Jementah sebagai Daerah Lagenda dengan lebih mendalam dan terperinci dalam pelbagai aspek termasuklah kisah mitos dan sejarah pembinaan kereta api pertama di Segamat. Seperti sedia maklum, kisah sejarah merupakan suatu penceritaan asal daripada orang terdahulu yang perlu dikekalkan untuk generasi muda pada masa akan datang. Hal ini demikian adalah agar mereka dapat menghayati dan mengambil ikhtibar daripada kisah pengorbanan orang terdahulu yang membentuk nama sesebuah kawasan atau daerah. Semoga kajian dan temu bual yang telah dijalankan dapat memberikan maklumat yang tepat mengenai sejarah Segamat dan Jementah sebagai Daerah Lagenda dan diharapkan dapat menjadi sumber kajian yang bermanfaat pada masa hadapan.*

**Kata kunci:** Sejarah, Penduduk tempatan, Temu bual, Segamat dan Jementah, Kajian, Mitos.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan izin-Nya, maka dapatlah kami menyiapkan tugasan bagi subjek IMR604 iaitu Oral Documentation bagi sesi Mac 2022 hingga Ogos 2022. Tugasan berkenaan adalah tentang kajian mengenai kajian kearifan tempatan dan kami telah memilih untuk mengkaji sejarah Segamat dan Jementah sebagai Daerah Lagenda, sebagai tajuk kajian kami. In shaa Allah, mudah-mudahan tugasan yang telah diberikan ini memberi banyak manfaat kepada kami dari segi menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan sejarah Segamat dan Jementah. Kemudian, walaupun terdapat pelbagai cabaran yang kami tempuhi semasa membuat kajian ini, tetapi ia tetap berjalan dengan lancar dengan izin-Nya. Segala cabaran yang dihadapi telah mengajar kami erti kesabaran yang tinggi dan menjadikan kami mahasiswa yang berwibawa pada masa akan datang.

Tambahan lagi, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah subjek IMR604, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kerana tidak jemu-jemu memberikan bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar tentang cara-cara untuk mengendalikan temu bual yang betul, tips-tips dan perkara yang perlu dielakkan semasa temubual dijalankan. Terima kasih juga kerana telah memberi tunjuk ajar cara penulisan kajian dengan betul dan pelbagai lagi ilmu yang dicurahkan. Beliau juga sentiasa menjawab soalan-soalan kami dengan penuh kesabaran sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian mahupun secara bersemuka sehingga kami berjaya menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan juga, jutaan terima kasih kepada dua orang tokoh kami iaitu Encik Aziz bin Yusof dan Encik Sulaiman bin Idris kerana sudi menerima pelawaan kami untuk ditemuramah. Mereka berdua merupakan tokoh yang sangat mudah didekati dan sangat peramah. Bukan itu sahaja, mereka juga telah memberikan Kerjasama yang amat bagus semasa temu bual dan memberikan maklumat yang tepat bagi kami menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Kerjasama Encik Aziz bin Yusof dan Encik Sulaiman bin Idris akan kami kenang dan semoga mereka sentiasa dalam keadaan yang baik-baik sahaja.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga dan juga rakan-rakan yang turut membantu kami dalam menyiapkan kajian ini. Banyak persoalan yang telah diajukan kepada mereka jika ada perkara yang kami tidak faham dan mereka sudi memberikan tunjuk ajar sehingga kami faham. Bukan itu sahaja, mereka juga telah banyak memberi sokongan moral kepada kami sehingga kami selesai menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Kami berharap hasil kajian ini dapat memberi impak yang positif kepada generasi yang akan datang.

## **SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
<b>AJK</b>	Ahli Jawatan Kuasa
<b>DO</b>	District Officer
<b>JKR</b>	Jabatan Kerja Raya
<b>PTJ</b>	Pentadbiran Tanah Johor
<b>SMKA</b>	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
<b>SOP</b>	Garis Panduan & Operasi Standard
<b>SPM</b>	Sijil Pelajaran Malaysia
<b>UiTM</b>	Universiti Teknologi Mara
<b>UPM</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>USM</b>	Universiti Sabah Malaysia